KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	01.03.22	MUKA SURAT	:	6
JABATAN	:	JPSM			

Al-Sultan Abdullah bertitah kemerosotan alam sekitar beri ancaman pada manusia

Kekalkan 50 peratus kawasan hutan

DEWAN RAKYAT

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR – Kerajaan diseru mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara dilitupi dengan kawasan berhutan dan pokok-pokok melalui pelaksanaan amalan pengurusan hutan secara berkekalan.

Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bertitah, kawasan yang berpotensi untuk diiktiraf sebagai geopark juga perlu dikekalkan dan dipelihara.

"Kemerosotan alam sekitar dan fenomena perubahan iklim memberi ancaman kepada dunia dan kesejahteraan manusia. Bagi menghadapi ketidaktentuan masa hadapan, mekanisme pengurusan bencana hendaklah ditambah baik.



AL SULTAN ABDULLAH ketika merasmikan istiadat pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Parlimen di Dewan Rakyat, Kuala Lumpur semalam.

"Penyelarasan antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan hendaklah dilaksanakan secara berterusan.

"Pembangunan sistem amaran bencana berpusat dan peningkatan sistem saliran hendaklah terus dipergiatkan," titah baginda semasa merasmikan istiadat pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Parlimen ke-14 di Dewan Rakyat semalam.

Persidangan Dewan Rakyat kali ini berlangsung selama 16 hari sehingga 24 Mac ini, manakala Mesyuarat Dewan Negara yang dirasmikan serentak akan berlangsung selama sembilan hari bermula 21 Mac.

Dalam pada itu, Al-Sultan Abdullah menyeru rakyat Malaysia mendapatkan dos penggalak vaksin Covid-19 bagi memastikan imuniti kekal pada tahap optimum dan sebagai benteng negara menghadapi varian baharu.

Titah Yang di-Pertuan Agong, walaupun Malaysia semakin bersedia untuk beralih ke fasa endemik, namun peralihan itu perlu dilaksanakan secara berhati-hati.

Terdahulu, Seri Paduka bertitah agar semua program dan projek pertumbuhan ekonomi yang bakal dilaksanakan disiapkan mengikut jadual dan mematuhi kualiti ditetapkan.

Selain itu, Al-Sultan Abdullah bertitah, baginda memandang serius isu rasuah dan percaya kerajaan sedang melaksanakan dasar dan inisiatif untuk menanganinya bagi membina sebuah negara yang telus dan berintegriti.

Al Sultan Abdullah bertitah supaya tahap keupayaan dan kesiapsiagaan keselamatan dan pertahanan diberi keutamaan.

"Ia termasuklah usaha memperkukuh pembangunan kapasiti, perolehan aset-aset baharu, penyelenggaraan dan menaik taraf aset keselamatan negara," titah baginda.